

Headline	Tabung Amanah Antartika ditubuh		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	18 Jan 2012	Circulation	115,967
Section	Negara	Readership	406,000
Page No	3	ArticleSize	140 cm²
Language	Malay	AdValue	RM 1,217
Journalist	N/A	PR Value	RM 3,652
Frequency	Daily		



Tabung Amanah Antartika ditubuh

KUALA LUMPUR – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menubuhkan Tabung Amanah Antartika bagi menggalakkan lebih ramai saintis dan penyelidik tempatan menjalankan kajian mereka di benua tersebut.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod (**gambar**) berkata, tabung yang akan ditubuhkan bulan depan itu diharap dapat membantu menampung kos penyelidikan yang akan dijalankan saintis dan pe-

nyelidik tempatan di benua itu.

Beliau berkata, tabung tersebut memerlukan sekurang-kurangnya RM500,000 yang akan digunakan untuk menampung kos penyelidikan ke atas biji benih yang sukar hidup di bumi.

“Kita akan tanam biji benih yang berpotensi besar bagi ekonomi negara untuk ditanam di sana.

“Jangka hidup tumbuhan itu juga akan dikaji kerana kita nak lihat bagaimana kandungan mineral yang ada di sana boleh membantu menggalakkan pertumbuhan biji benih yang sukar hidup di bumi,” katanya.

Abd. Latif berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri seminar bertajuk ‘Pengembaran ke Benua Antartika’ yang disampaikan bekas Ketua Pengarah FRIM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Nor di FRIM Kepong dekat sini semalam.

Katanya, antara tumbuhan dan biji benih yang akan dihantar untuk kajian ke Antartika ialah cengal, balak, tumbuhan untuk kegunaan perubatan, faraksi dan juga makanan. – Bernama



INFO Benua Antartika

- Benua paling sejuk di muka bumi dengan suhu di bawah -37°C manakala keluasannya ialah 15,540,000 kilometer persegi.
- Tumbuh-tumbuhan yang hidup hanya berupa lumut manakala haiwan terdiri daripada anjing laut, beruang kutub dan penguin.
- Mengandungi banyak gunung manakala ketebalan saljinnya ialah 2,200 meter.
- Terdapat banyak bahan mentah galian seperti besi, arang, uranium, pelambam, nikel, kobalt, zeng, tembaga, timah, emas, perak, platinum, kromium, minyak dan gas.

Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my>